



## SIARAN AKHBAR

**'FINANCIAL FUN FAIR' KALI KE-4  
SEMPENA HARI MENABUNG KEBANGSAAN 2019  
JERUDONG PARK COLONNADE**

**HARI SABTU, 16 ZULHIJAH 1440 BERSAMAAN DENGAN 17 OGOS 2019**

---

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) dengan kerjasama Tabung Amanah Perkerja (TAP), Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE), *Junior Achievement* (JA) Brunei, serta beberapa institusi-institusi kewangan, telah menganjurkan hari pertama bagi '*Financial Fun Fair*' Kali Ke-4, bersempena dengan Hari Menabung Kebangsaan 2019 di Jerudong Park Colonnade pada hari Sabtu, 16 Zulhijah 1440, bersamaan dengan 17 Ogos 2019.
2. Hadir selaku Tetamu Kerhormat bagi merasmikan acara tersebut ialah Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri selaku Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah AMBD. Turut hadir ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd Daud, Menteri di Jabatan Perdana Menteri; Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah, Menteri di Jabatan Menteri dan Menteri Kewangan II; Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman, Menteri Pendidikan; Ahli Lembaga Pengarah AMBD yang lain, Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Setiausaha-Setiausaha Tetap, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap, Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan dan AMBD, Ketua-Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah-Pengarah Urusan Institusi-Institusi Kewangan tempatan, serta pegawai dan kakitangan AMBD.
3. Acara *Financial Fun Fair* tahun ini membawa tema '*Fusion of Green and Technology*', yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran orang ramai tentang alam sekitar, dan bagaimana konsep ini boleh diamalkan apabila membuat keputusan-keputusan dan transaksi-transaksi kewangan, yang mana salah satunya adalah melalui penggunaan teknologi.
4. Turut menyertai acara ini ialah Pusat Perbankan, Kewangan dan Pengurusan Islam (CIBFM), Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB), BIBD, Brunei Association of Banks (BAB), Baiduri Bank, Standard Chartered Bank, Bank Islam Brunei Darussalam Securities (BIBDS), Insurans Islam TAIB (IIT), Takaful Brunei Keluarga (TBK) dan Great Eastern Life Assurance.
5. Acara ini mengetengahkan beberapa aktiviti menarik dan interaktif sesuai untuk seisi keluarga, termasuk *Financial Race* serta aktiviti-aktiviti berunsurkan kewangan yang disediakan oleh institusi yang turut serta. Persembahan oleh Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) juga akan diadakan semasa acara *Financial Fun Fair* ini.

6. Acara ini akan diadakan selama dua hari sehingga Ahad, 18 Ogos 2019. Tiket bagi *Financial Fun Fair* boleh dibeli di AMBD *Ticketing Booth* di Jerudong Park Playground, pada hari Sabtu, 18 Ogos 2019 dari jam 9 pagi sehingga 3 petang.
7. Bagi maklumat lanjut mengenai Hari Menabung Kebangsaan 2019, orang ramai boleh melayari laman web rasmi AMBD di [www.ambd.gov.bn/nsd2019](http://www.ambd.gov.bn/nsd2019); memuat turun AMBD App melalui 'App Store' atau 'Google Playstore'; atau mengikuti akaun Instagram AMBD di @autoriti\_monetari.

**Autoriti Monetari Brunei Darussalam**

Date: 16 Zulhijjah 1440 / 17 August 2019

Ref: AMBD/COMMS/3